

10/02/2001

Ling nafi rombakan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, hari ini menolak spekulasi berhubung rombakan Kabinet membabitkan beberapa pemimpin parti itu.

Beliau berkata, semua menteri Kabinet dari MCA setakat ini menjalankan tugas dengan baik dan cekap.

"Ini hanya khabar angin. Semua menteri Kabinet dari MCA sudah memainkan peranan penting dan semuanya pemimpin yang cekap. Kita tidak ada apa keinginan pun untuk mengubahnya," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Pengangkutan dan Teknologi Bavaria, Jerman, Dr Otto Weisheu di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini kononnya beberapa menteri dan timbalan menteri MCA akan terbabit dalam rombakan Kabinet.

Antaranya, Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng yang dikatakan akan melepaskan jawatan dan tempatnya diisi oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung pula menggantikan Chan dan tempat Chor diambil oleh Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng.

Ditanya sama ada khabar angin sedemikian bertujuan mengugat kestabilan MCA atau dilakukan pihak yang inginkan jawatan lebih tinggi, Dr Ling berkata: "Saya rasa tidak. Ia (dilakukan) seorang pemberita yang nakal. Ia datang dari akhbar bukannya sumber lain."

Beliau berkata, biasanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berbincang dengannya sebelum melakukan rombakan Kabinet membabitkan pemimpin MCA.

"Secara teknikalnya, tak payah pun boleh tetapi hubungan antara MCA, Umno, saya dan Perdana Menteri adalah baik dan saya percaya beliau tidak akan membuat apa-apa rombakan tanpa rundingan," katanya.

(END)